

24 NOV 2002

Mahathir-Australia/I

MALAYSIA BIDAS AUSTRALIA KERANA SOKONG KEMPEN PERANG AMERIKA

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 24 Nov (Bernama) -- Australia sudah melampau kerana menyamakan dirinya dengan Amerika Syarikat dari segi tujuan dan taktik dalam perang menentang keganasan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata dalam sebuah akhbar negara ini.

Dalam satu temuramah dengan Editor Luar Negeri akhbar "The Australian" Greg Sheridan, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata: "Australia perlu menentukan sama ada ia sebuah negara Asia atau negara Barat.

"Jika anda (Australia) mengambil pendirian menjadi sheriff atau timbalan sheriff kepada Amerika, anda sudah tentunya tidak dapat diterima oleh negara-negara di rantau ini.

"Australia lebih suka berseteru berbanding kebanyakan negara Eropah. Anda tidak pernah mengkritik apa-apa tindakan Amerika. Malah sehinggakan ketika Amerika sudah mahu bertindak sendiri dan menyerang Iraq, Australia seolah menyokong Amerika," katanya.

Ketika ditanya Sheridan sama ada ini akan memberi kesan buruk jangka panjang kepada Australia, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata: "Anda tidak akan diterima. Anda akan sentiasa dianggap sebagai orang luar."

Dr Mahathir dalam temuramah itu dipetik sebagai turut membidas dasar Amerika mengenai perang menentang keganasan.

"Saya tidak fikir Amerika menang (dalam perang menentang keganasan). Saya tidak fikir begitu kerana perang jenis ini boleh berlanjutan bertahun lamanya.

Perdana Menteri berpendapat Amerika telah berundur ke belakang dari segi politik dalam 14 bulan lepas, menurut laporan itu.

"Saya boleh katakan keadaan kini lebih buruk berbanding sebaik selepas pengemboman pada 11 Sept. Sehari selepas pengemboman itu, seluruh dunia, termasuk negara Islam bersatu untuk menentang keganasan."

Dr Mahathir berkata Amerika telah mengetepikan banyak pendapat orang Islam dan masyarakat Islam merasakan: "ia bukannya satu kempen menentang pengganas, tetapi menentang orang Islam."

Dalam temuramah itu, Dr Mahathir dilaporkan memberi amaran kepada Amerika bahawa ia bukan hanya sepatutnya menangani keganasan sebagai satu masalah keselamatan tetapi juga harus mengatasi punca asas sebenarnya.

"Ia bukan Islam langsung.

"Isu Palestin adalah asasnya, tetapi tentunya keputusan Amerika untuk mengekalkan askarnya di Arab Saudi selepas perang Teluk merupakan kesan langsung daripada tindakan Osama bin Laden," katanya.

Dr Mahathir berkata Amerika patut bertindak menyelesaikan pertikaian Palestin-Israel.

"Isu Palestin merupakan punca utama kesemua ini. Rakyat Palestin kehilangan tanah mereka. Tanah mereka diberikan kepada kaum Yahudi untuk mewujudkan Israel dan mereka dipaksa keluar dari rumah mereka sendiri, dibuang dari tanah mereka dan menjadi pelarian," katanya dalam laporan temuramah itu.

-- BERNAMA

NDC AZZ RON